

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	11 FEBRUARY 2017

Pusat sedia kembalikan hak Sarawak: Najib

BH- 11/2/2017

→ Perbincangan soal perjanjian,
tafsiran sedang berlangsung

Oleh Mohd Roji Kawi
mdroji@bh.com.my

► Lundu

Datuk Seri Najib Razak semalam memberi jaminan kepada kerajaan Sarawak dan rakyatnya yang Kerajaan Persekutuan akan mengembalikan hak-hak negeri yang terhakis secara tidak sengaja daripada Perjanjian Malaysia 1963.

"(Berhubung) hak-hak Sarawak yang telah diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan semasa pelaksanaan Perjanjian Malaysia, kami bersedia mempertimbangkan untuk mengembalikannya kepada Sarawak," kata Perdana Menteri selepas merasmikan Medan Selera Lundu, di sini sebelum mengakhiri lawatan kerjanya selama tiga hari ke Sarawak.

Beliau berkata perbincangan mengenai perjanjian serta tafsiran perjanjian sedang berlangsung antara kerajaan negeri dan Pusat.

"Diharapkan kita dapat mencapai satu persefahaman yang akan mencerminkan hasrat rakyat Sarawak selain memastikan Sarawak rakan kongsi Kerajaan Persekutuan yang kukuh," katanya.



Diharapkan kita dapat mencapai satu persefahaman yang akan mencerminkan hasrat rakyat Sarawak selain memastikan Sarawak rakan kongsi Kerajaan Persekutuan yang kukuh"

Najib Razak,
Perdana Menteri

Najib berkata peringkat kedua perbincangan sedang berlangsung dengan pembentukan lima jawatankuasa kerja di bawah Setiausaha Persekutuan dan Setiausaha kerajaan negeri Sarawak untuk meneliti lima topik berbeza.

Lapor kepada PM, KM

Jawatankuasa terbabit akan memberi laporan kepada Perdana Menteri dan Ketua Menteri.

Menurutnya, beliau memahami mengapa Allahyarham Tan Sri Adenan Satem atau Tok Nan merintis jalan mendapatkan semula hak dan keistimewaan itu.

"Sebagai pemimpin, saya secara peribadi cukup memahami hasrat itu... kita mesti menyelami denyut nadi rakyat.

"Rakyat Sarawak sudah memberitahu kepada Adenan bahawa ada yang silap dengan Perjanjian Malaysia 1963. Banyak hak negeri terhapus mengikut peredaran masa disebabkan diambil alih Putrajaya secara tidak sengaja," katanya.

Justeru, beliau mengulangi kesediaan untuk berbincang dan berunding bagi mewujudkan situasi menang-menang antara kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan.

"Kita satu keluarga (dalam Ba-

risan Nasional) dan kita bersedia untuk berbincang dan bertolak ansur dengan kerajaan negeri dalam hal ini. Rakyat Sarawak juga diyakini mahu terus kekal dalam Malaysia bagi membolehkan negeri itu untuk terus menikmati pembangunan," katanya.

Kagum kesungguhan Pusat

Sementara itu, Ketua Menteri Sarawak, Datuk Amar Abang Johari Abang Openg mengagumi kesungguhan Kerajaan Persekutuan di ba-

wah kepemimpinan Najib dalam menjayakan rundingan berkenaan.

"Perjanjian Malaysia ditandatangani bapa Perdana Menteri (Allahyarham Tun Abdul Razak) sebagai wakil Kerajaan Tanah Melayu. Sarawak pula diwakili arwah bapa saya (Allahyarham Tun Abang Openg Abang Sapiee).

"Kini, kami sebagai waris sentiasa bersedia menambahbaik kandungan perjanjian itu, terutama membabitkan hak-hak negeri yang terhakis," katanya.